



Selayangku Sayang



CERTIFIED TO MS ISO 9001: 2008
Registration No : AR 4621

Buletin MPS • Bil 1/2011

• PERCUMA



PERUTUSAN TAHUN BARU YAB TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID IBRAHIM DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

"Setiap kali tahun Masih berakhir, ramai yang bertanya akan azam baru di samping merenung semula perjalanan hidup sepanjang tahun yang akan berlalu. Lumrahnya, manusia selalu berkeinginan kehidupannya lebih baik daripada sebelumnya.

Justeru, marilah kita bersama menanam tekad dan azam baru untuk berusaha bagi memastikan prinsip hidup bernegara dan bermasyarakat unggul dapat ditegakkan. Ini tentulah tidak semudah yang dijangka. Ia melibatkan renungan ke dalam diri sendiri di samping keupayaan meletakkan diri dalam perspektif berbeza untuk melihat bagaimana prinsip-prinsip unggul seperti persamaan hak kemanusiaan, keadilan dan kebebasan mengambil tempat dalam kompleksiti kehidupan yang ada.

Untuk sebuah pentadbiran, prinsip keadilan, pertanggungjawaban dan urus-tadbir kerajaan yang baik adalah tuntutan penting untuk dilaksanakan. Ini tidak bermaksud bahawa masalah tidak akan berlaku. Sebaliknya, ia membawa maksud bahawa dasar terbuka perlu diambil untuk berdepan dengannya dan bukan dengan menyapu sampah ke bawah tikar.

Sepanjang 2010, Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya meningkatkan pelaburan, hasil dan penciptaan peluang pekerjaan. Selain itu, beberapa keutamaan dasar telah diambil untuk melindungi kepentingan semua pihak. Bagaimanapun, saya percaya masih banyak perkara yang boleh dilakukan dengan lebih baik, tepat dan cepat.

Akhirnya, marilah kita bersama menginsafi bahawa dalam usaha kita menjadikan kehidupan ini lebih baik, janganlah dilupakan bahawa kita semua hidup dalam realiti pelbagai yang menuntut lebih daripada kepentingan diri sendiri semata-mata.

Sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru."



Menjadi PBT Terbaik Azam Yang Dipertua Baru

Menjadikan MPS sebagai antara PBT yang terbaik di Negeri Selangor. Keazaman tersebut telah dinyatakan **YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Aala** yang telah dilantik sebagai YDP MPS.

Untuk menjadi PBT terbaik, beliau menekan MPS perlulah mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi, penguatkuasaan undang-undang yang tegas dan memberikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik dan relevan dengan perkembangan semasa kepada seluruh warganya.

YBhg Dato' Zainal Abidin bin Aala telah dilantik sebagai Yang Dipertua MPS mulai 16hb Mac 2011. Ketibaan beliau di Menara MPS telah disambut Timbalan YDP dan Pengarah-pengarah Jabatan MPS.

YBhg. Tuan Hj. Mohd. Jaid Hj. Ehsan, Timbalan YDP telah memberikan taklimat pembangunan terkini MPS dan sesi suai kenal dengan Pengarah-pengarah Jabatan di Bilik

Anggerik, Menara MPS.

Dato' YDP menegaskan setiap kakitangan perlulah menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh kewibawaan. Sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik, amalan kerohanian, kebajikan dan keselamatan kakitangan turut diberi keutamaan demi kesejahteraan penduduk Selayang.

Beliau dilantik sebagai YDP MPS bagi menggantikan YBhg. Dato' Zainal Abidin Azim yang telah bersara wajib pada 8hb November 2010. Selepas persaraan YBhg. Dato' Zainal Abidin Azim, jawatan YDP telah dipangku oleh Timbalan YDP.

Sebelum menjawat jawatan sebagai YDP MPS, beliau adalah merupakan Pegawai Daerah Hulu Langat. Beliau adalah merupakan YDP keempat MPS sejak mula ditubuhkan pada 1 Januari 1997.



Dari Meja Yang Dipertua

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan rasa terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah melantik saya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang mulai 16hb Mac 2011.

Sebagai penjawat awam, saya menerima perlantikan ini dengan penuh tanggungjawab dan bersedia untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pihak. Saya percaya dengan pengalaman dan pengetahuan sepanjang saya menjalankan tugas di pelbagai peringkat perkhidmatan, akan membantu saya menunaikan tugas dan tanggungjawab sebagai Yang Dipertua MPS.

Kepada seluruh Ahli Majlis, saya berharap akan dapat memberi kerjasama dan sokongan sepanjang perkhidmatan saya. Saya amat mengharapkan pandangan yang positif di samping kerjasama dan semangat kerja berpasukan dari Ahli-Ahli Majlis bagi merealisasikan segala perancangan dan pembangunan mencapai sasarannya.

Untuk mencapai kecekapan dan keberkesan organisasi, Majlis Perbandaran Selayang hendaklah membentuk dan mengamalkan budaya kerja yang cemerlang serta dapat membuat penyesuaian (adaptation) bagi menghadapi perubahan-perubahan persekitarannya. Bagi membentuk budaya organisasi yang baik, nilai-

nilai murni perlu diterapkan bukan sahaja di kalangan kakitangan tetapi juga Ahli-Ahli Majlis. Nilai-nilai yang dimaksudkan ialah intergriti, kejujuran intelektual, neutraliti dan akauntabiliti.

Majlis Perbandaran Selayang hendaklah ditadbir dan diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip pengurusan pentadbiran yang cemerlang dan perancangan pembangunan yang mampan. Antaranya ialah berwawasan, bertaraf dunia, tidak bergantung kepada hasil tradisional (cukai taksiran), mesra alam, berteraskan teknologi maklumat dan komunikasi, mengutamakan pelanggan, fleksibel, pengurusan berkualiti dan beretika. Sebagai Ahli Majlis, kita bukan sahaja mewakili sesuatu kawasan tertentu tetapi sebagai Ahli Majlis Perbandaran Selayang. Tugas dan tanggungjawab kita adalah meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran majlis.

Terdapat pelbagai peranan dan fungsi majlis sedia ada iaitu sebagai pembekal perkhidmatan bandar, pihak berkuasa perancangan tempatan, pemangkin pembangunan sosial dan ekonomi, pengutip hasil cukai taksiran dan juga penguasa perbandaran. Sememangnya tidak dapat dinafikan pelbagai isu dan masalah yang terpaksa dihadapi oleh MPS dalam melaksanakan fungsi-fungsinya, namun saya amat berharap dengan kerjasama semua ahli-ahli majlis dan warga MPS maka dapatlah kita menyahut visi untuk menjadikan Selayang sebuah perbandaran yang mampan, progresif dan sejahtera.

Selain dari itu, usaha-usaha untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan atau " delivery system " juga dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan seterusnya meningkatkan disiplin dan intergriti setiap kakitangan, kerana perkara-perkara ini sering diperkatakan berkaitan kelemahan sesebuah pihak berkuasa tempatan. Saya yakin sekiranya perkara-perkara tersebut dapat ditangani dengan baik, maka sudah tentulah kita tidak akan menghadapi sebarang masalah yang berpunca dari sikap dan kelemahan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Saya juga berharap agar Majlis Perbandaran Selayang dapat berganding bahu dan bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin masyarakat, jawatankuasa penduduk dan sebagainya, bagi mendapatkan pandangan dan pendapat dalam menjana pentadbiran majlis ke arah yang lebih cemerlang dan mesra rakyat.

Saya juga percaya jika semua inisiatif ini dapat dijayakan secara kolektif, wawasan untuk menjadikan Selayang sebuah perbandaran yang maju dan seterusnya mencapai taraf sebuah bandaraya yang sistematik, berdaya maju dan harmonis dapat di realisasikan.

Sekian, terima kasih.

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

• **PENASIHAT**

Dato' Zainal Abidin bin Aala | ydp@mps.gov.my
Tn. Hj. Mohd Jaid bin Hj. Ehsan | jaid@mps.gov.my

• **KETUA PENGARANG**

En. Mohamad Zin bin Masoad | zin@mps.gov.my

• **PENOLONG KETUA PENGARANG**

En. Azhar bin Che Salleh | azhar_salleh@mps.gov.my

• **PENGARANG**

Pn. Hajah Jamallah Ahmad | jamallah@mps.gov.my
Pn. Nor Masliawaty Asmawar Binti Baharudin | masliawaty@mps.gov.my

• **JURUGAMBAR**

Cik Anissapiah Binti Mohd Dan | anis@mps.gov.my

• **DITERBITKAN**

Jabatan Perhubungan Awam dan Perancangan Korporat,

Majlis Perbandaran Selayang.

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

• **REKA BENTUK & CETAKAN**

Gemilang Press Sdn. Bhd.
www.gemilangpress.com

Bekerja sebagai sebuah pasukan

Untuk membentuk sebuah organisasi yang cemerlang dan mampu memberikan perkhidmatan yang terbaik, seluruh kakitangan diseru untuk meningkatkan prestasi kerja masing-masing, baik dari segi penambahan nilai hasil kerja melalui penambahan pengetahuan kerja, kualiti kerja, ketetapan masa dan kebolehan mengurus.

Tuan Hj Mohd. Jaid Hj Ehsan, Pemangku YDP menyatakan demikian dalam ucapan sempena Perhimpunan Tahun Baru 2011 pada 10hb Januari 2011 di Lobi Menara MPS.

Menurut beliau, kakitangan juga perlu mengukuhkan nilai-nilai murni seperti amanah, kebolehpercayaan, sifat adil dan saksama serta memperkembangkan potensi sifat-sifat kepimpinan masing-masing.

Ke arah mencapai hasrat ini beliau menyeru seluruh kakitangan supaya bersama-sama bekerja dalam sebuah pasukan bagi melaksanakan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap, telus dan amanah.

Majlis penyampaian insuran kepada tiga orang bala kakitangan yang telah meninggal dunia turut diadakan dalam perhimpunan tersebut.



Pelancaran Zon Bersih 2011

Program ini telah diadakan pada 13hb. Mac 2011 di Fasa 2 Taman Sri Gombak. YB Amirudin bin Shari, ADUN Batu Caves telah merasmikan majlis ini.

Acara ini dimulakan dengan acara senamrobik seterusnya para penduduk telah dibahagi kepada 15 kumpulan untuk program gotong royong membersih kawasan persekitaran. Seramai 150 orang telah menyertai program tersebut.



Pemeriksaan panel SSR



Seramai 5 orang Ahli Panel Inspektorat Sistem Star Rating (SSR) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melakukan pemeriksaan penggredan di MPS pada 21hb Februari 2011.

Panel diketuai oleh En. Mohd. Nor bin Hj. Osman, Ketua Setiausaha Bahagian Inspektorat, KP KT. Ahli-ahli terdiri daripada En. Mohamad. Azam bin Toiman@, Cik Wan Azlida bte Wan Muda, En Wan Nordin bin Wan Mahmud dan Puan Lydia Eznie bte. Hamzah. Turut hadir sebagai pemerhati ialah En Adi Azlan bin Othman dan En. Adrian.

Pemeriksaan terbahagi kepada 4 kriteria utama iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras (Core), Pengurusan Pelanggan dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

Tuan Hj Mohd. Jaid bin Hj Ehsan, Pemangku YDP mengucapkan terima kasih di atas semangat kerjasama dan komitmen seluruh kakitangan MPS sepanjang penilaian.


Dato' SUK lawat MPS

YB Dato' Mohamed Khusrin bin Munawi, Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor telah melakukan lawatan kerja ke MPS pada 7hb Februari 2011. MPS merupakan agensi kerajaan pertama yang beliau lawati sejak dilantik sebagai SUK Negeri Selangor.


Ketibaan beliau telah disambut oleh kakitangan MPS dalam Majlis Perhimpunan Bulanan. Dalam ucapannya beliau menyeru agar seluruh penjawat awam meningkatkan mutu dan penghasilan kerja selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor. Sebagai sebuah Negeri Maju, kita bertanggungjawab untuk menjaga nama baik dan imej Kerajaan Negeri dengan memberikan perkhidmatan yang terbaik.

Selepas perhimpunan beliau telah diberi taklimat jabatan oleh Tuan Hj Mohd Jaid Hj Ehsan, Pemangku YDP dalam majlis dialog bersama Pengarah-Pengarah Jabatan MPS.

Lawatan turun padang juga telah diadakan iaitu ke tapak pelupusan sampah tanpa izin di Kampung Sungai Kertas, Batu Caves dan tapak batching plant di Kampung Desa Aman, Sungai Buluh.



Perasmian draf RKK Kg. Sungai Pusu 2020



Y.B Tuan Ir Iskandar bin Abdul Samad, Pengurus Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan telah menyempurnakan majlis perasmian pada hari tersebut. Turut hadir pada Majlis ini Y.B Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali, Pengurus Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat Melayu, Infrastruktur Dan Kemudahan Awam.

Draf akhir RKK Kg. Sg. Pusu ini disediakan bertujuan untuk menangani permasalahan yang berlaku di kawasan

tersebut, khususnya yang berkaitan dengan kesan risiko bencana yang akan berlaku sekiranya perancangan yang komprehensif tidak disediakan dan dilaksanakan yang mana hampir 61% daripada kawasan tersebut terletak di dalam kelas III dan IV (menurut pengelasan daripada Jabatan Mineral dan Geosains).

Pameran projek MRT

Projek Mass Rapid (MRT) Lembah Klang mengadakan pameran di Ibu Pejabat MPS pada 14hb Februari hingga 14hb Mei 2011.

Antara bahan yang dipamerkan ialah pelan jajaran, pelan pengambilan tanah, sebuah buku rujukan, sebuah model binaan stesen, poster, katalog untuk edaran orang ramai dan kain rentang untuk tujuan publisiti.

Projek MRT ini melibatkan dua buah negeri iaitu Selangor dan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Projek yang dijangka bermula Disember 2010 dijangka siap pada Disember 2016. Pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) telah dilantik sebagai pemunya projek dan aset bagi projek ini.

Selaras dengan keperluan perkara 8(2) Akta Keretapi 1991, pihak SPNB dikehendaki mengadakan pemeriksaan awam selama tempoh tiga bulan untuk mendapat maklumbalas penduduk berkaitan pelaksanaan projek ini.

Sambutan Maulidur Rasul peringkat MPS


Sambutan Maulidur Rasul peringkat MPS telah diadakan pada 18 Feb. 2011 (Jumaat). Acara dimulakan dengan perarakan wakil jabatan-jabatan MPS. Perarakan bermula dari Stadium MPS menuju Ibu Pejabat MPS.

Perarakan disertai Ahli-Ahli Majlis dan seramai 350 kakitangan pelbagai jabatan dengan irungan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad saw.

Selepas berarak, semua kakitangan berkumpul di Lobi Menara MPS untuk majlis ceramah oleh Al-Fadil Ustaz Ghazali bin Ibrahim.

Selain itu, MPS telah turut serta dalam majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat Negeri Selangor yang diadakan pada 15 Feb. 2011 bertempat di Stadium Melawati, Shah Alam. Seramai 47 orang kakitangan Majlis dikenai Timbalan Yang Dipertua, MPS telah menyertai perarakan sempena sambutan tersebut.

Sambutan di peringkat Daerah Gombak pula telah diadakan pada 26 Feb. 2011, di Masjid Al-Hidayah, Taman Melawati, Hulu Klang. Seramai 31 orang Kakitangan Majlis telah menyertai perarakan tersebut dan MPS telah berjaya mendapat tempat ke-2 dalam perbarisan sempena sambutan tersebut.



Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil

Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MPS menganjurkan Majlis Bacaan Yaasin dan Tahlil pada setiap hari Jumaat di Surau MPS, tingkat 8, Menara MPS. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kerohanian kakitangan di samping untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan.

Lain turut dihadiri Dato' YDP, Timbalan YDP, Pengarah-pengarah dan kakitangan.



TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,
Park City, I-City, 40000
Shah Alam, Selangor.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14,
40000 Shah Alam
Tel : 03-5510 3468 / 3472, **Faks :** 03-5510 3455
E-mail : mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.A.S
40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7385 atau 03-5521 2275
Faks : 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BANTUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.
No.2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5518 7735, **Faks :** 03-5518 7736
E-mail : info@semesta.com.my
url : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam.
Tel : 03 5544 7306 atau 03-5512 3618, **Faks :** 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622, **Faks :** 03-5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan darul Ehsan Berhad
16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999, **Faks :** 03-5510 9977
E-mail : communications@kded.com

Agenda Pembangunan dan Hasil Fokus U



Majlis Lafaz Akuan Terima Jawatan YDP MPS telah diadakan pada 21 Mac 2011, di Bilik Siantan, MPS Bandar Baru Selayang.

Dalam ucapannya di majlis tersebut, beliau menegaskan untuk memberi penekanan kepada pembangunan di MPS. Beliau seterusnya menyeru kepada seluruh kakitangan untuk meningkatkan hasil cukai taksiran di samping meningkatkan hasil dari punca lain.

"Saya akan memberi penekanan kepada meningkatkan mutu perkhidmatan khususnya kepada pembayar cukai. Setiap perkhidmatan yang diberikan hendaklah berteraskan kepada prinsip "value for money". Ianya mestilah mempunyai kesan bagi memastikan kesejahteraan dan keselesaan kepada

penduduk," tegas beliau.

Beliau seterusnya menyeru Ahli-ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MPS untuk sentiasa bekerjasama untuk memastikan visi MPS untuk menjadikan Selayang sebuah perbandaran yang mampan, progresif dan sejahtera tercapai.

Sebagai wakil Ahli Majlis, Tuan Abdul Rahim Kasdi mengalu-alukan perlantikan YBhg. Dato' Zainal Abidin Aala sebagai YDP MPS. Beliau percaya dengan pengalaman dan pengetahuan yang beliau miliki, akan mampu melonjakkan prestasi MPS dalam pelbagai bidang khususnya dalam mempertingkat perkhidmatan dan hasil.


Sebagai Ahli Majlis, peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan Kerajaan Negeri akan dilaksana dengan sebaik mungkin khususnya sebagai penghubung antara MPS dengan penduduk setempat.

Sebelum itu, dalam Majlis Perhimpunan Bulanan



MPS, Dato' YDP menyeru seluruh kakitangan bekerjasama khususnya bagi memastikan kecekapan dan keberkesan organisasi. MPS hendaklah

SENARAI YDP MPS SEJAK 1997



Tuan Hj. Kasjoo b. Hj. Kadis
1hb. Jan 1997 - 31hb. Julai 1999



Dato' Hj. Bakaruddin b. Othman
1hb. Ogos 1999 - 31hb. Mei 2005




Dato' Hj. Zainal Abidin b. Azim
1hb. Jun 2005 - 8hb. Nov 2010

tama-YDP



mengamalkan budaya kerja cemerlang untuk terus relevan dengan perkembangan semasa.

Menurut beliau, setiap kakitangan perlulah bersedia dari segi fizikal dan mental dengan meningkatkan prestasi kerja, pengetahuan dan kepakaran masing-masing untuk menjadi aset pembangunan yang berguna.



YBhg Dato' Zainal Abidin bin Aala
16hb Mac 2011 hingga sekarang.

PROFIL DATO' YDP

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA telah dilahirkan pada 28hb. Februari, 1954. Anak kelahiran Teluk Intan, Perak ini telah mendapat pendidikan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1979 dalam jurusan B. Econs (Hons). Pada tahun 1984 pula beliau telah mendapat kelulusan Diploma Sains Pengurusan di INTAN dan seterusnya beliau telah mendapat kelulusan MBA di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1997.

Beliau telah dianugerahkan Pingat Jasa Cemerlang Terengganu (PJC) pada tahun 1991, pada tahun 2002 telah dianugerahkan Ahli Mahkota Selangor (AMS), Ahli Mangku Negara (AMN) pada tahun 2006, Setia Mahkota Selangor (SMS) pada 2007, Kesatria Mangku Negara (KMN) pada 2009 dan Dato' Paduka Mahkota Selangor (DPMS) pada tahun 2010.


PERKHIDMATAN :

1. Tahun 1979-1983 sebagai Penolong Pengarah Kewangan di Imigresen Malaysia, Kuala Lumpur.
2. Menjawat jawatan Timbalan Pengarah Imigresen Negeri Perak di Jabatan Imigresen Perak selama 2 tahun.
3. Pada tahun 1984-1985 meneruskan pengajian untuk Diploma Sains Pengurusan di INTAN, Kuala Lumpur.
4. Kemudian bertugas di Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, Lumut pada tahun 1985-1987 berjawatan sebagai Penolong Pengarah Kanan Pentadbiran dan Kewangan.
5. Pada tahun 1987-1989 beliau berkhidmat sebagai Timbalan Pengarah Bahagian di Jabatan Pendaftaran Negara Petaling Jaya.
6. Seterusnya memegang jawatan Pengarah Negeri selama tiga tahun di Jabatan Pendaftaran Negeri Terengganu.
7. Pada tahun 1992-1995 beliau menjawat jawatan Penolong Pengarah di Bahagian Kewangan dan Bahagian Perundingan di Jabatan Perkhidmatan Awam, Kuala Lumpur.
8. Dilantik sebagai Penolong Setiausaha Bahagian Ekonomi Makro di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (UPEN) pada tahun 1997-1998.
9. Seterusnya menjadi Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Tanah) di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam pada tahun 1998-2000.
10. Berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah (Khas) dan Timbalan Pengarah Negeri di Pejabat Pembangunan Negeri Selangor dari tahun 2000-2005.
11. Selepas itu beliau menjawat jawatan Timbalan Pengarah Bahagian Ekonomi, Unit Penyelaras dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya selama setahun.
12. Menjadi Pegawai Daerah Hulu Langat di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat selama 5 tahun.
13. Menjawat jawatan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang mulai 16hb Mac 2011.

Sambutan Perayaan THAIPUSAM

Penganut agama Hindu telah menyambut perayaan Thaipusam pada 20hb Januari 2011. Sempena sambutan perayaan tersebut yang diadakan di Batu Caves, YAB Dato Menteri Besar Selangor telah menyeru perpaduan antara kaum dan semangat kerjasama untuk kesejahteraan bersama.

Seperti biasa dalam perayaan tersebut Gua Batu Caves menjadi tumpuan penganut Hindu dari seluruh negara selain menarik ribuan pelancong dalam dan luar negeri untuk menyaksikan sambutan yang menarik ini.



Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPS

Sambutan Tahun Baru Cina anjuran Parlimen Selayang dan Majlis Perbandaran Selayang telah diadakan pada 19hb Feb 2011 bertempat di Laman Beringin, Taman Selayang Utama pada jam 7:00 malam. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ahli Parlimen, Ahli-Ahli Majlis, Tim. Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan. Seramai 2000 orang tetamu telah hadir memeriahkan majlis di samping pelbagai persembahan pentas diadakan.



Majlis Dialog

Program ini telah diadakan di Dewan Besar MPS, Taman Kanching Jaya, Rawang pada 5hb Mac 2011 (Sabtu). Sebanyak 100 CF individu telah dikeluarkan kepada penduduk Taman Kanching Jaya. Sebanyak 30 aduan telah dibincangkan dalam majlis dialog tersebut. Ahli Parlimen Selayang YB WILLIAM LEONG JEE KEEN, ADUN Rawang, YB GAN PEI NEI, Ahli Majlis, Pemangku Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan MPS turut hadir dalam majlis dialog tersebut. Seramai 150 orang penduduk Taman Kanching Jaya telah hadir bersama dalam program ini Anjuran Tuan Sabri Bin Md Taib, Ahli Majlis Zon 19.




Sumbangan Mangsa Kebakaran Gerai

Majlis penyampaian sumbangan kepada mangsa kebakaran gerai MPS Taman Greenwood telah diadakan di kawasan tempat letak kereta di Taman Berlian, Greenwood pada 14hb Mac 2011.

Kerajaan Negeri Selangor telah memberi sumbangan sebanyak RM5,000.00 seorang kepada 16 orang mangsa kebakaran. YB Dato' Hassan Ali, Exco Kerajaan Negeri Selangor, YB Azmin Ali, Ahli Parlimen Gombak serta Pemangku YDP dan wakil Pegawai Daerah Gombak telah turut hadir.



Kempen Anti DENGGI



Zon 17

Jawatankuasa Penduduk Zon 17 telah mengadakan Gotong Royong Perdana di Country Homes pada 27hb Mac 2011. Majlis tersebut dirasmikan oleh YBhg Dato YDP. Dalam ucapannya beliau telah menyeru kepada penduduk untuk bersama dengan MPS memerangi ancaman demam denggi dengan memastikan kebersihan kawasan persekitaran.

Ahli Majlis Zon 17, Tuan Gunaraj George menyatakan gotong royong ini melibatkan semua kawasan yang telah diisyithar sebagai kawasan wabak oleh Jabatan Kesihatan. Beliau berharap program ini akan dapat menimbulkan kesedaran di kalangan penduduk tentang bahaya ancaman demam denggi.


Zon 12

Kempen Anti Denggi peringkat Zon 12 telah diadakan pada 16hb Januari, 2011 di Taman Jasa Utama, Gombak.

Tuan Zulkifli Hamzah selaku Ahli Majlis Zon 12 menyatakan objektif utama program ialah untuk menimbulkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk bersama pihak berkuasa bagi memerangi wabak demam denggi.

Seramai kira-kira 200 orang penduduk di zon tersebut telah hadir dan turut mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang disediakan.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara penduduk setempat dan agensi kerajaan.



Selamat Bertugas

BIL	TARIKH LANTIKAN	NAMA KAKITANGAN	JAWATAN & JABATAN
1.	3 JAN 2011	KHAIRIL ANWAR BIN CHE MAY	PEGAWAI TADBIR N41JAB. KHIDMAT PENGURUSAN
2.	5 JAN 2011	NORHASLIZA BINTI HASSAN	PEM. TADBIR N17 JAB. KHIDMAT PENGURUSAN
3.	7 JAN 2011	HUZAIDY BIN ABDULLAH	PEM. TADBIR N17 JAB. KHIDMAT PENGURUSAN
4.	10 JAN 2011	MUHAMMAD AMIN BIN HAMZAH	PELUKIS PELAN J17 JAB. KEJURUTERAAN

Bengkel Pelan Strategik MPS 2011-2015

Bengkel Pelan Strategik MPS 2011-2015 (PSMPS) telah diadakan pada 28hb Februari – 2hb Mac 2011 di Selesa Beach Resort, Port Dickson.

Bengkel tersebut diadakan bagi tujuan memperkemas dan menambah baik PSMPS dengan kerjasama pihak MAMPU selaku pembimbing.

Bengkel tersebut telah menetapkan visi dan misi baru

MPS di samping mengetengahkan isu-isu dan cabaran-cabaran kritis serta strategi untuk mengatasinya.

Bagi memastikan peranan dan tanggungjawab bersama dalam tempuh 5 tahun, pemantauan dan kajian semula akan diadakan pada setiap 6 bulan. Di samping itu, nilai-nilai positif di kalangan kakitangan melalui program penghayatan yang berterusan akan dipupuk berdasarkan nilai-nilai bersama "SELAYANG".



Bengkel 'Creating Leaders For High Performance Culture'

Bengkel ini telah diadakan pada 11-13hb. Februari, 2011 di Cherengin Hills Convention & Spa Resort, Janda Baik, Pahang.

Seramai 25 orang Ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan telah menghadiri bengkel ini.

Antara pengisian program pada hari pertama ialah 'Leadership Practices Inventory' (LPI) dan 'Manager Vs. Leader'. Manakala pada hari kedua pula ialah Modul 1 'Model The Way (Action Plan)', Modul 2 'Inspire a Shared Vision', Modul 3 'Challenging The Process' dan Modul 4 'Enabling Others to Act' (Delegation & Empowerment). Seterusnya pada hari terakhir diisi dengan 'Memorandum Of Understanding'(MOU) dan Presentation MOU.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepimpinan kepada Ahli-ahli Majlis dan Pengarah-pengarah Jabatan untuk meningkatkan daya kepimpinan sebagai ketua jabatan.

Perunding untuk bengkel ini ialah Tetuan Learning Edge Consultant Sdn. Bhd. dan urusetia bengkel ini ialah Bahagian Audit Dalam, MPS.



Premis arak diserbu

Bagi tujuan memantau aktiviti jualan minuman keras, operasi ke atas premis yang menjual minuman keras telah diadakan pada 24hb Mac 2011. Kawasan tumpuan operasi ialah di sekitar Bandar Rawang.

Operasi ini diadakan bermula pada jam 10.30 malam dan berakhir pada jam 2.00 pagi. Premis penjualan arak ini diserbu kerana telah beroperasi melebihi masa operasi yang telah ditetapkan.

Operasi bersama ini dilakukan adalah sebagai proses pemantauan di samping wujudnya aduan orang ramai terhadap premis tersebut yang sering melakukan aktiviti penjualan arak melebihi tempoh masa yang telah ditetapkan.



Premis tersebut juga telah beberapa kali di kompaun kerana kesalahan yang sama, berniaga tanpa lesen perniagaan dan papan iklan. Dalam operasi tersebut juga sebanyak 18 jenis minuman beralkohol yang kuantitinya berjumlah 928 (botol & tin) telah dirampas. Semua hasil rampasan telah dibawa ke Ibu Pejabat Kastam di Kelana Jaya.

Operasi yang diketuai oleh En. Affendei Samingan, Pengarah Pelesenan MPS telah turut disertai anggota Jabatan Penguatkuasa MPS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.

Operasi Kain Rentang

Bagi memastikan kebersihan dan keindahan persekitaran terpelihara, operasi kain rentang dan stiker telah diadakan pada 16hb. Mac 2011. Operasi yang diketuai oleh Jabatan Pelesenan MPS dibantu oleh anggota Penguatkuasa MPS.

Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 47 bunting dan kain rentang tanpa permit telah difurunkan. Selain tanpa permit, terdapat kain rentang yang ditampal di tempat yang dilarang seperti di pokok-pokok, tanda nama taman dan jalan, dan pagar.

Adalah diharapkan orang ramai memberi kerjasama untuk mematuhi undang-undang bagi memastikan kebersihan dan keindahan persekitaran terpelihara.



Le Tour De Langkawi 2011 Peringkat 6 Rawang – Putrajaya

Julung-julung kalinya MPS telah terpilih selaku tuan rumah bagi Acara Pelepasan Le Tour De Langkawi 2011 Peringkat 6 (Rawang-Putrajaya) pada 28 Januari 2011.

YB Tuan Amiruddin Shari, Pembantu EXCO Belia dan Sukan Negeri Selangor telah mewakili YAB Dato Menteri Besar Selangor untuk melepaskan para peserta.

Di pusingan ke-6 ini, para pelumba telah mengharungi perjalanan sejauh 107.0 KM di mana terdapat beberapa kawasan pecutan dan pendakian bukit yang mencabar bagi merebut jersi-jersi yang telah disediakan oleh pihak pengatur.

Sebagai acara selingan, para peserta dan pegawai pertandingan telah dihiburkan dengan persembahan kumpulan gamelan MPS dan pasukan kompong formasi dari Sekolah Kebangsaan Sungai Kertas, Batu Caves.



KEJOHANAN FUTSAL PIALA AHLI MAJLIS ZON 3 & PEBT LIGA 2011

Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Zon 3 MPS telah menganjurkan Kejohanan Futsal Piala Ahli Majlis Zon 3 & PeBT Liga (Terbuka) 2011.

Sebanyak 16 buah pasukan yang terdiri daripada belia-belia sekitar Zon 3 telah mengambil bahagian. Pihak pengatur telah menawarkan hadiah wang tunai bagi kejohanan tersebut berjumlah RM 2,300.00 beserta medal dan hamper. Pasukan futsal daripada PeBT Zon 3 telah dinobatkan sebagai johan pada kejohanan tersebut.

Kejohanan Ping Pong Menteri Side Spin Kuala Lumpur Kali Ke-6 2011

Pasukan Ping Pong MPS telah menyertai kejohanan tersebut di Stadium Juara, Kompleks Sukan Bukit Kiara Kuala Lumpur pada 25-27hb. Feb 2011.

Pasukan Ping-Pong MPS telah menyertai beberapa kategori yang dipertandingkan. Antaranya ialah Kategori Berpasukan Novis, Bergu Novis, Perseorangan Novis dan Perseorangan Expert.

